

# Pegawai UnISZA berkampung di Pulau Redang sertai kem

**JALINAN ERAT.** Seramai 25 pegawai kehormat majlis badan-badan berniform badan-badan berniform Universiti Sultan Zainal Abidin (UnISZA), Terengganu menyertai Kem Wajia Diri siri pertama yang diadakan di Redang Mutiara Beach Resort, Pulau Redang, Terengganu baru-baru ini. Kem yang diadakan selama tiga hari bermula 24 April lalu itu telah dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP), UnISZA.

Tujuan kem tersebut adalah untuk merapatkan lagi hubungan anggota badan berniform dengan ahli-ahli yang baru dilantik. Selain itu, sepanjang program berkenaan berlangsung, para peserta dapat mempraktikkan segala tunjuk ajar serta latihan yang diberikan semasa mereka berada di universiti. Pelbagai aktiviti menarik dijalankan termasuk sesi suai kenal, jejak kawasan,

selam skuba, mempelajari cara memasak sebagai seorang pengembara, latihan kawad kaki, senaman pagi dan cara memasak khemah.

**PARA pegawai kehormat majlis badan-badan berniform UnISZA, Terengganu bergambar kenangan semasa Kem Wajia Diri di Redang Mutiara Beach Resort, Pulau Redang, Terengganu baru-baru ini.**



**KOSMO 3/6/14**